



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Perlis** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** pada **24 April 2026** sehingga jam 12:00 tengah hari.

<b>BUTIRAN SEBUTHARGA</b>	<b>TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>	<b>HARGA DOKUMEN</b>	<b>TARIKH TUTUP</b>
<p><b>KERJA-KERJA PENYENGGARAAN JALAN BAN KANAN ALBD 1 (KAMPUNG BELAT BATU) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, PPK A-I ARAU, WILAYAH I, MADA.</b></p> <p><b>SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/ MARRIS-M/21/2026</b></p>	<p><b>14 April 2026 (Selasa) Jam 12.00 tengah hari</b></p> <p><b>Pendaftaran : Jam 11.00 pagi hingga 11.45 pagi</b></p> <p>Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan Harapan Mewah MADA A-1 Arau, KM. 11.5, Guar Sanji, 02600 Arau, Perlis.</p> <p><b>Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.</b></p>	<p>Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01 &amp; CE21 <b>(Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)</b> dan Sijil Pematuhan Cukai Tahun 2026 (Tax Compliance Certificate – TCC) <b>Berstatus Patuh</b></p>	<p>RM 10 (Satu Set)</p> <p>Bayaran tidak dikembalikan</p>	<p><b>24 April 2026 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari</b></p>

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis** mulai **14 April 2026 (Selasa)** sehingga **24 April 2026 (Jumaat)** sehingga jam 12.00 tengah hari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera** serta **Sijil Pematuhan Cukai** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
  - a. Pembayaran secara tunai ; ATAU
  - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah I, KM 2 Behor Temak, 01000 Kangar, Perlis**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : ..... 12/4/2025 .....

Tandatangan :  
Nama  
Jawatan

  
Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF  
Pegawai  
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda  
(MADA)